



# Keajaiban alam maya

Taman Negeri Royal Belum simpan 1,001 rahsia alam

▲ Oleh Jalal Ali Abdul Rahim  
jalal@bharian.com.my

**T**AMAN Negeri Royal Belum (Royal Belum) seluas 117,500 hektar di Daerah Hulu Perak, Perak yang menyimpan 1,001 khazanah flora dan fauna, sering dilabel kawasan 'suci'. Ini kerana kebanyakan kawasan hutan tropika itu bebas daripada kegiatan manusia.

Usia Royal Belum yang dianggarkan 130 juta tahun, lebih tua daripada kewujudan hutan Amazon, menjadikan kawasan bersempadan dengan Thailand itu kaya dengan kepelbagaian biodiversiti. Hutan ini sering menjadi buah mulut di kalangan pengkaji dan penyelidik yang tidak jemu-jemu menerokainya dalam usaha mencari penemuan baru.

Berdasarkan status kawasan hutan itu yang diletakkan di bawah pen-

## Ahad

**7.30 pagi:** Tiga bas termasuk dinaiki Menteri Besar dan penulis serta 97 peserta lain bertolak dari Bangunan Perak Darul Ridzuan di Ipoh ke Banding Inn Resort, Banding, Grik.

**10.30 pagi:** Tiba di Banding Inn Resort dan bersarapan sambil mendengar taklimat keselamatan oleh Pengurus Perusahaan Pelancongan Tasik Temenggor, Mohd Silah Yusof.

**11.30 pagi:** Menaiki bot dan bertolak dari Jeti Awam, Pulau Banding ke Royal Belum

**12 tengah hari:** Mendarat

di Zon X untuk melihat Rafflesia. Cabaran kepada peserta bermula di sini apabila terpaksa melalui denai berair dan licin serta sesekali perlu berpaut pada tali untuk melonjakkan diri ke bahagian atas kawasan bercerun curam. Ada peserta 'tewas' di tengah jalan

Penulis berjaya tiba di lokasi Rafflesia tetapi hajat melihatnya mekar berkembang tidak kesampaian. Ini kerana putiknya bersaiz kubis matang hanya dijangka berkembang tiga hari lagi. Penulis tertarik

gawasan tentera dan orang awam tidak dibenarkan memasukinya tanpa permit, individu yang berpeluang menjejakkan kaki ke Royal Belum yang cukup terkenal dengan bunga Rafflesia atau bunga pakma, burung Enggang serta spesies terancam lain, boleh dianggap 'bertuah'.

Baru-baru ini, penulis bersama rakan media lain menyertai rombongan Kerajaan Perak diketuai Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir ke Royal Belum.

Walaupun ini kali ketiga penulis berkunjung ke destinasi ini, nyata Royal Belum tetap menyajikan panorama indah, suasana damai dan memori baru bagi penulis.

Ikuti catatan penulis serta sentuhan lensa jurugambar Muhaizan Yahya ketika berkunjung ke Royal Belum, baru-baru ini.

melihat putiknya bukan saja muncul di atas tanah, malah di dahan pokok mati.

Royal Belum mempunyai tiga daripada 20 spesies bunga terbesar dunia itu di mana salah satu daripadanya dinamakan Azlanii sempena nama Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

**12.45 tengah hari:** Menaiki bot ke destinasi kedua. Penulis teruja melihat pemandangan indah ketika menyusuri Tasik Temenggor dengan air yang kelihatan kehijau-hijauan. Kewujudan pokok mati di permukaan tasik serta kehijauan belantara di kiri kanan laluan bot begitu memukau. Sebenarnya, jika bernasib, kita mungkin terserempak burung Enggang yang terbang berkumpulan. Ada 10 spesies burung itu tinggal di sini.

**1.10 petang:** Tiba di Air Terjun Sungai Ruok. Sebaik menjejak kaki ke tebing tasik, penulis melihat tapak gajah bersaiz sebesar kepala manusia selain najis mamalia itu yang bertaburan. Penulis kemudian meredah denai kira-kira 15 minit untuk tiba di kawasan air terjun.

Kepenatan mendaki lereng bukit reda sebaik mendengar bunyi hempasan air terjun. Sebaik tiba di gigi air, penulis menyapu airnya ke muka dan leher bagi merasai kedinginan air terjun hutan dikagumi itu.

Di air terjun bahagian atas, Dr Zambry menyempurnakan majlis pengisytiharan kawasan itu sebagai Santuari Ikan Kelah, Temoleh dan Tengas.

Penulis dan peserta lain kemudian meninjau kawasan air terjun bahagian bawah dan ketika itu penulis mengambil kesempatan merendamkan kaki ke dalam air sekali gus mengundang anak ikan menghampirinya.

Kesempatan itu direbut beberapa peserta termasuk Menteri Besar untuk mandi bagi merasai kedinginan air terjun di Royal Belum.

**2.10 petang:** Meneruskan perjalanan dan selepas kira-kira 40 minit menaiki bot, penulis tiba di Sungai Papan untuk ke sira papan iaitu lokasi yang sering dikunjungi harimau, kijang dan beberapa binatang lain menjilat air di situ yang kaya dengan nutrien. Penulis menghidu air itu dan ia berbau seperti belerang. Beberapa meter

dari situ mengalir sebatang sungai dan di tebingnya ada kesan tapak binatang termasuk kijang.

Peserta juga ditunjukkan pokok kayu gaharu dengan kesan ditakik dipercayai dilakukan pencari kayu gaharu haram. Penulis juga ditunjukkan pokok damar hitam yang baunya seperti kemenyan apabila dibakar. Pada zaman dahulu, ia digunakan sebagai pelita atau bahan bakar.

Pokok lain seperti kacip fatimah dan tumbuhan cendawan liar yang unik warnanya turut ditemui.

**3.30 petang:** Menaiki bot ke Kem Sungai Tiang untuk berehat dan makan tengah hari.

**4.45 petang:** Tiba di Kem Pelancongan Sungai Kejar iaitu destinasi terakhir hari pertama lawatan. Penulis dan peserta lain mengambil kesempatan merehatkan badan sama ada di khemah, pelantar atau rumah bot. Penulis memilih pelantar terbuka sebagai kediaman dan seterusnya bermalam.



**8 malam:** Makan malam nasi berlauk ikan sungai dibakar bersama air asam diikuti taklimat Royal Belum disampaikan Pengurus Taman Negeri, lylia Ainudin. Ini diikuti perbincangan membabitkan peserta dan Dr Zambry mengenai usaha menambah baik pembangunan dan kawalan Royal Belum.

**10 malam:** Penulis mengambil kesempatan memancing dari atas rumah bot.

### Isnin

**7.30 pagi:** Sarapan dan acara bergambar.

**9.30 pagi:** Penulis dan peserta bertolak dari Kem Sungai Kejar ke Kampung Orang Asli Sungai Kejar. Dr Zambry menyempurnakan beberapa acara di situ.

**11.45 pagi:** Rombongan bertolak pulang ke Jeti Awam, Pulau Banding.

**2.30 petang:** Penulis menaiki bas pulang ke Ipoh selepas makan tengah hari di jeti berkenaan.



PANORAMA menyegarkan di Royal Belum.



### INFO

#### Taman Negeri Perak

- Diisytiharkan sebagai Royal Belum oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah pada 2003.
- Royal Belum diwartakan di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak pada 17 April 2007. Kawasan diwartakan seluas 117,500 hektar.
- Dianggarkan, Royal Belum memiliki lebih 3,000 spesies flora selain 64 spesies paku-pakis, 62 spesies tumbuhan berlumut dan 23 jenis ikan sungai yang menjadikan kawasan hutan termasuk sungai serta tasik sebagai habitat.
- Dikenal pasti sebagai Kawasan Alam Sekitar Sensitif di bawah Pelan Fizikal Malaysia 2005 kerana menjadi tempat perlindungan gajah, harimau belang, badak sumbu dan tapir.
- Sering mendapat perhatian pihak yang membuat pelbagai kajian saintifik.



DR ZAMBRY menandatangani plak pengisytiharan Sautuari Ikan Keleah, Temoleh dan Tengas.

